**IKLAN PENGAMBILAN PERSONEL SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAM (MySTEP) DI JABATAN KESIHATAN NEGERI PERLIS, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Jabatan Kesihatan Negeri Perlis mempelawa WarganegaraMalaysia yang berkelayakan bagi mengisi segera kekosongan jawatan **PERSONEL MySTEP** seperti berikut:-

| BIL | JAWATAN | KELAYAKAN | BIL. KEKOSONGAN | PENEMPATAN | KADAR UPAH |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Psikologi | Ijazah Sarjana Muda/ Setaraf dengannya | 1 | Bahagian Pengurusan, JKN Perlis | RM 2,100 |
| 2. | Pegawai Dietetik | | 2 | Pejabat Kesihatan Daerah Kangar | |
| 3. | Pegawai Penyelidik | | 6 | | |
| 4. | Pegawai Penerangan (Pendidikan Kesihatan) | | 5 | Unit Promosi Kesihatan, JKN Perlis | |
| 5. | Pereka Grafik & Multimedia | | 1 | | |
| 6. | Pegawai Teknologi Maklumat | | 1 | Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit, JKN Perlis | |
| 7. | Penolong Pegawai Teknologi Maklumat | Diploma/ Setaraf dengannya | 2 | Bahagian Pengurusan, JKN Perlis | RM 1,900 |
| | | | 1 | Pejabat Kesihatan Daerah Kangar | |
| 8. | Penolong Jurutera | | 1 | Unit Kejuruteraan, JKN Perlis | |
| | | | 1 | Unit Kejuruteraan, PKD Kangar | |
| 9. | Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat | | 1 | Hospital Tuanku Fauziah | |

<table>
<tr><td rowspan="3">10.</td><td rowspan="3">Pembantu Tadbir</td><td rowspan="4">SPM</td><td>3</td><td>Unit Aset, Bahagian Pengurusan, JKN Perlis</td><td rowspan="4">RM 1,700</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Casemix, HTF</td></tr>
<tr><td>6</td><td>Pengurusan Rekod Perubatan, HTF</td></tr>
<tr><td>11.</td><td>Pegawai Khidmat pelanggan</td><td>2</td><td>Wellness Hub UTC Perlis</td></tr>
<tr><td>12.</td><td>Pembantu Awam</td><td>TANPA SPM</td><td>6</td><td>Unit Vektor, PKD Kangar</td><td>RM 1,500</td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| **TEMPOH KONTRAK** | Januari hingga 31 Disember 2024 |
| **SYARAT KELAYAKAN** | ▪ Warganegara Malaysia.<br>▪ Berumur tidak lebih dari **40 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan.<br>▪ Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.<br>▪ Mempunyai kemahiran berkomunikasi dengan baik melibatkan pelbagai peringkat pengurusan dan masyarakat.<br>▪ Mempunyai daya kreativiti yang tinggi dan boleh bekerja dalam satu pasukan.<br>▪ Berdisiplin dan boleh melaksanakan tugas dengan arahan yang minimum. |
| **KEMUDAHAN** | Cuti Rehat, Cuti Sakit, Caruman KWSP dan Caruman Perkeso. |

# PELANTIKAN BAGI KELULUSAN IJAZAH SARJANA MUDA ATAU SETARAF

| BIL | JAWATAN, KELAYAKAN & DESKRIPSI TUGAS |
|---|---|
| 1. | **PEGAWAI PSIKOLOGI**<br><br>**KELAYAKAN :**<br><br>▪ Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang psikologi atau kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau kelayakan yang setaraf dengannya.<br>▪ Mesti berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia dan memperbaharui perakuan amalan.<br>▪ Mempunyai pengalaman bekerja sebagai kaunselor atau pegawai psikologi.<br><br>**DESKRIPSI TUGAS :**<br><br>▪ Memberikan perkhidmatan psikologi kaunseling.<br>▪ Menjalankan tele-kaunseling atau talian sokongan psikososial kepada orang awam.<br>▪ Menjalankan ceramah, syarahan, bengkel, seminar dan sebagainya. |
| 2. | **PEGAWAI DIETETIK**<br><br>**KELAYAKAN :**<br><br>▪ Memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian dalam bidang dietetik yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau kelayakan yang setaraf dengannya.<br><br>**DESKRIPSI TUGAS:**<br><br>▪ Menjalankan beberapa projek kajian dan pengumpulan data dietetik.<br>▪ Mempergiatkan aktiviti promosi kesihatan yang lebih efektif dan berkualiti melalui pemerkasaan dan perluasan kolaborasi antara Unit Dietetik dengan Bahagian atau Jabatan yang lain.<br>▪ Saringan warga emas dan kanak-kanak berkeperluan khas. |
| 3. | **PEGAWAI PENYELIDIK**<br><br>**KELAYAKAN :**<br><br>▪ Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam mana-mana jurusan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau kelayakan yang setaraf dengannya.<br>▪ Berpengetahuan dalam pengurusan data dan statistik adalah diutamakan.<br><br>**DESKRIPSI TUGAS:**<br><br>▪ Melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan oleh Pegawai Perubatan Yang Menjaga berkaitan aktiviti Saringan Kesihatan dan Enhanced Primary Healthcare (EnPHC).<br>▪ Membantu aktiviti pengumpulan data penduduk dengan kerjasama anggota Klinik Kesihatan. |

| | |
|---|---|
| 4. | **PEGAWAI PENERANGAN (PENDIDIKAN KESIHATAN)**<br><br>**KELAYAKAN :**<br><br>▪ Memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan / Ijazah Sarjana Muda dalam mana-mana jurusan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau kelayakan yang setaraf dengannya.<br><br>**DESKRIPSI TUGAS:**<br><br>▪ Melaksanakan aktiviti di bawah inisiatif ANMS peringkat negeri.<br>▪ Jurulatih aktiviti fizikal bagi JKN Perlis.<br>▪ Memantau dan membuat lawatan penyeliaan ke atas pelaksanaan COMBI dan My Champion.<br>▪ Membantu menyediakan perkhidmatan kesejahteraan kesihatan secara mobile yang mudah diakses dan dekat dengan komuniti setempat melalui perancangan jadual outreach Wellness on Wheel. |
| 5. | **PEREKA GRAFIK & MULTIMEDIA**<br><br>**KELAYAKAN :**<br><br>▪ Memiliki Ijazah dalam bidang grafik atau berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau kelayakan yang setaraf dengannya.<br>▪ Mempunyai kemahiran dalam menggunakan perisian rekabentuk grafik dan video editing Adobe Illustrator , Photoshop, MS Office dan lain-lain berkaitan.<br>▪ Keutamaan kepada calon yang berpengalaman menghasilkan bahan media grafik dan multimedia.<br><br>**DESKRIPSI TUGAS:**<br><br>▪ Tugas-tugas penghasilan bahan-bahan grafik statik promosi kesihatan seperti Infografik, Flipbook, Poster , Risalah, Flyers, Banner, Banting, Buku Program, Kad Program / Kad Jemputan bagi tujuan pelbagai aktiviti promosi program dan jabatan serta bahan-bahan Pendidikan kesihatan yang berkaitan. |
| 6. | **PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT**<br><br>**KELAYAKAN :**<br><br>▪ Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Teknologi Maklumat (IT) atau Sains Komputer atau Kejuruteraan Perisian yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau kelayakan yang setaraf dengannya.<br><br>**DESKRIPSI TUGAS:**<br><br>▪ Mewujudkan pengkalan data secara digital dalam menjayakan pelbagai inisiatif baharu di bawah unit NCD.<br>▪ Membantu menjalankan kajian penilaian amalan dan perubahan tingkah laku masyarakat ke arah gaya hidup sihat. |

## PELANTIKAN BAGI KELULUSAN DIPLOMA ATAU SETARAF

| BIL | JAWATAN, KELAYAKAN & DESKRIPSI TUGAS |
|---|---|
| 1. | **PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT**<br><br>**KELAYAKAN :**<br><br>▪ Memiliki Diploma dalam bidang Teknologi Maklumat (IT) atau Sains Komputer atau Kejuruteraan Perisian yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau kelayakan yang setaraf dengannya.<br><br>**DESKRIPSI TUGAS :**<br><br>▪ Bertanggungjawab di dalam pelaksanaan serta merealisasikan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Kementerian Kesihatan Malaysia 2021-2025.<br>▪ Bertanggungjawab di dalam mengaplikasi dan transformasi perkhidmatan kesihatan di Negeri Perlis menggunakan teknologi terkini selaras dengan *Emerging technology For industrial Revolution* (ET4IR) bagi mendokong program Transformasi Perlis 2.0 dan Perlis Hebat, Sihat Milik Semua 2.0. |
| 2. | **PENOLONG JURUTERA**<br><br>**KELAYAKAN :**<br><br>▪ Memiliki Diploma dalam bidang Kejuruteraan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau kelayakan yang setaraf dengannya.<br><br>**DESKRIPSI TUGAS :**<br><br>▪ Menyediakan lukisan kejuruteraan / pra-pembinaan.<br>▪ Menyediakan dokumen projek / Bill of Quantity (BQ) / skop kerja.<br>▪ Menyelia, memantau kemajuan projek dan lain-lain tugas teknikal berkaitan. |
| 3. | **PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT**<br><br>**KELAYAKAN :**<br><br>▪ Memiliki Diploma dalam bidang Kerja Sosial / Pembangunan Masyarakat yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau kelayakan yang setaraf dengannya.<br><br>**DESKRIPSI TUGAS :**<br><br>▪ Menjalankan kaji selidik keperluan penubuhan sukarelawan.<br>▪ Membantu menyedia, mengemaskini dan memantau “Sistem Semakan Permohonan bantuan Pesakit”.<br>▪ Mengurus dan mengendalikan program komuniti yang telah dikenal pasti dan bekerjasama dengan masyarakat setempat serta agensi lain untuk melaksanakan program tersebut dengan berkesan. |

## PELANTIKAN BAGI KELULUSAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) ATAU SETARAF

| BIL | JAWATAN, KELAYAKAN & DESKRIPSI TUGAS |
|---|---|
| 1. | **PEMBANTU TADBIR**<br><br>**KELAYAKAN :**<br><br>▪ Memiliki kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang setaraf dengannya.<br><br>**DESKRIPSI TUGAS :**<br><br>▪ Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi). |
| 2. | **PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN**<br><br>**KELAYAKAN :**<br><br>▪ Memiliki kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang setaraf dengannya.<br>▪ Calon yang mempunyai pengalaman terlibat dalam pengurusan aktiviti bagi komuniti adalah diutamakan.<br><br>**DESKRIPSI TUGAS :**<br><br>▪ Petugas tetap di Wellness Hub UTC Perlis serta membantu klien Wellness Hub dalam menjalankan saringan kendiri faktor risiko kesihatan dan saringan kesihatan.<br>▪ Bertanggungjawab melaksanakan Ujian Kecergasan kepada Klien Wellness Hub. |

## PELANTIKAN BAGI KELULUSAN TANPA SPM (PENTAKSIRAN TINGKATAN TIGA (PT3) / PENILAIAN MENENGAH RENDAH (PMR) ATAU SETARAF)

| BIL | JAWATAN, KELAYAKAN & DESKRIPSI TUGAS |
|---|---|
| 1. | **PEMBANTU AWAM**<br><br>**KELAYAKAN :**<br><br>▪ Memiliki kelulusan pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.<br>▪ keutamaan kepada yang pernah mengendali mesin semburan kabus atau mesin semburan racun<br><br>**DESKRIPSI TUGAS :**<br><br>▪ Menjalankan aktiviti pencegahan Denggi di 75 lokaliti wabak Denggi tahun 2024 bagi memastikan kejadian kes & wabak Denggi tidak berulang.<br>▪ Menjalankan aktiviti semburan racun untuk membunuh larva nyamuk *Aedes* (*Larvaciding*) di lokaliti – lokaliti bekas wabak dan wabak Denggi. |

## CARA MEMOHON

1. Permohonan hendaklah dihantar melalui alamat emel: iklanjknpls@moh.gov.my
2. Sila nyatakan nama jawatan yang ingin dipohon di dalam ruangan **perkara (*subject*)**.
3. Tarikh tutup permohonan adalah pada 12 Disember 2023 **sebelum jam 4.30 petang**;
4. Setiap permohonan hendaklah disertakan bersama **SALINAN** berikut:-

    i. Salinan *Resume*

    ii. Salinan sijil-sijil kelayakan yang berkaitan

    iii. Salinan Kad Pengenalan

    iv. Sekeping gambar berukuran passport terkini

## PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung tawaran ini boleh menghubungi talian **04-9773333 samb. 2293 (Pn. Aiza Ismanani Binti Kamal)**

**Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas sebulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.**